

29 JUN 2000

Mahathir-Bakun/I

PROJEK BAKUN DIPERLUKAN BERIKUTAN PENINGKATAN PERMINTAAN TENAGA

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata projek Elektrik Hidro Bakun akan diteruskan berikutan peningkatan permintaan elektrik dalam sektor perindustrian.

"Kita menyaksikan pertumbuhan rancak dalam sektor perindustrian tetapi bukan dalam projek tenaga, sebab itulah Bakun mesti diteruskan untuk memenuhi permintaan industri," katanya.

Beliau berkata terdapat cadangan untuk mengeluarkan 500 megawatt elektrik.

"Jika kita menetapkan tarikhnya hari ini, kita boleh siapkan projek itu dalam tempoh lima tahun," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Universiti Tenaga Nasional di Serdang, dekat sini, hari ini.

Kos keseluruhan projek itu pada awalnya kira-kira RM13 bilion, tetapi jika loji 500 megawatt dibina, kosnya tidak sebegitu banyak.

Dr Mahathir berkata projek Bakun masih diperlukan kerana permintaan terhadap elektrik tiba-tiba meningkat kepada 9,000 megawatt, dan antara 1998 dan tahun lepas, penggunaannya meningkat sebanyak 1,000 megawatt kerana pemulihan ekonomi.

"Kerajaan serius memikirkan mengenai projek Bakun itu.

"Tetapi buat masa ini, kami perlu mencari pengguna kerana sebelum ini, sebuah syarikat pelaburan yang bercadang untuk ditubuhkan di sana pergi ke Australia," kata beliau.

"Kami perlu mencari pelabur baru. Apabila mereka telah dikenal pasti kami boleh meneruskan projek itu secepat mungkin," katanya.

Ditanya sama ada ia akan diswastakan atau sama ada kerajaan akan melaksanakan projek itu, Perdana Menteri berkata: "Kita tengok dulu."

"Kita tengok apa pilihan terbaik (tetapi) tanpa penswastaan, negara akan ketinggalan 10 tahun. Kita tidak akan maju," katanya.

"Kita perlu meneruskan projek itu kerana kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dan separuh daripada projek itu telahpun dilaksanakan. Jika kita tidak teruskan, kita akan rugi," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan belum menyerah kalah dan sedang mencari cara untuk meneruskan penggunaannya.

Pada Jun tahun lepas, Ketua Eksekutif Tenaga Nasional Tan Sri Dr Ahmad Tajudin Ali dipetik sebagai berkata bahawa stesen kuasa 500 megawatt yang dicadangkan syarikat itu untuk memulihkan projek Bakun, dianggarkan menelan belanja antara RM3.5 bilion dan RM5.0 bilion.

Tenaga Nasional dilaporkan menjadi pengurus utama projek itu yang akan menjana bekalan elektrik untuk keperluan Sabah dan Sarawak.

Kerajaan mengambil alih projek itu pada November 1997 daripada Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd selepas ia ditangguhkan ketika krisis kewangan serantau.

-- BERNAMA

ARA MR JR NAK